

Hakim tangguh bicara kes Undang Luak Jelebu

OLEH: IKMAL YUSOFF

SEREMBAN 3 April — Hakim Datuk Abdul Hamid Omar hari ini menangguhkan keputusan berhubung dengan pertikaian perlantikan Undang Luak Jelebu yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak yang terlibat di Mahkamah Tinggi di sini.

Kes itu ialah antara Datuk Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus yang menyaman dua penama iaitu Datuk Menteri Othman bin Baginda dan Encik Musa bin Wahab, Undang Luak Jelebu yang ke-15.

Datuk Ombi Syed Alwi telah diwakili oleh peguam Encik Abdul Razak bin Ahmad manakala Datuk Menteri Othman dan Encik Musa diwakili oleh Encik Ariffin bin Jaka.

Penasihat Undang-Undang Negeri, Encik Razali bin Hassan hadir sebagai pemerhati bagi pihak kerajaan negeri.

Datuk Ombi Syed Alwi mengemukakan saman menuntut supaya perlantikan Undang Luak Jelebu yang baru pada 4 Februari lalu sebagai tidak sah, tidak berkesan atas sebab-sebab melanggar adat, undang-undang dan perlembagaan Luak Jelebu.

Beliau juga menuntut supaya mahkamah menahan Encik Musa daripada melaksanakan tugas-tugas dan menguatkuasakan kuasa-

kuasa sebagai Undang Luak Jelebu sehingga Mahkamah Tinggi di sini selesai membicarakan kesnya.

Datuk Menteri Othman dan Encik Musa pula dalam pembelaannya meminta supaya saman yang dikemukakan terhadap mereka digugurkan atas alasan pihak mahkamah tidak berkuasa dalam soal adat istiadat Melayu.

Encik Ariffin dalam hujahnya berkata, adalah mendukacitakan pihak penyaman telah membawa kes tersebut ke mahkamah sedangkan ia boleh diselesaikan oleh Lembaga Adat.

Katanya, walaupun Datuk Ombi Syed Alwi telah mengemukakan kes mereka kepada Dewan Keadilan dan Undang tetapi dewan itu telah merestui perlantikan undang itu pada 7 Februari.

Beliau mendakwa mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk membicarakan kes itu kerana melibatkan soal adat Melayu.

Hakim Datuk Hamid mencelah bertanya: "Dalam undang-undang manakah yang menunjukkan mahkamah tidak ada kuasa dalam soal ini?"

"Perlu saya ingatkan bahawa mahkamah mempunyai kuasa yang tidak terhad dan dalam soal ini mahkamah tidak campurtangan dalam soal adat Melayu, hanya memberi hak kepada mereka yang berhak."

Encik Ariffin kemudian mendakwa bahawa Datuk Ombi Syed Alwi telah mengemukakan saman-samannya atas nama peribadi dan tidak pula menyebut yang beliau mewakili datuk-datuk lembaga bertujuh.

Beliau meminta mahkamah menggugurkan saman itu kerana jika tidak ia akan menimbulkan malu kepada kerajaan negeri.

Encik Musa pula dalam affidavitnya, antara lain berkata bahawa beliau telah dilantik sebagai Undang Jelebu yang ke 15 dengan sah pada 4 Februari lalu.

Beliau juga yakin beliau ialah seorang pemerintah bagi Negeri Sembilan dan dengan itu beliau tidak boleh didakwa di mahkamah atas nama peribadi.

"Dari segi kedudukannya itulah mahkamah tidak mempunyai kuasa melayani kes-kes saman itu," katanya.

Datuk Menteri Othman dalam affidavit pembelaannya berkata bahawa nama Encik Musa pernah disebut untuk dicalonkan sebagai Undang sebelum perlantikan itu selain daripada 3 nama lain iaitu Syed Zain bin Syed Hussin, Syed Sulong bin Syed Chik dan Nordin bin Ahmad.

Katanya, beliau telah meneliti ketiga-tiga nama itu dan mendapati mereka tidak sesuai untuk dilantik sebagai Undang.

Tambahnya, memandangkan kepada hakikat itulah beliau telah melantik Encik Musa sebagai Undang.

Encik Razak pula dalam hujahnya mempertikaikan kedudukan Encik Musa sebagai seorang pemerintah kerana tidak tercatat dalam

perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negeri yang beliau itu ialah seorang pemerintah.

Beliau juga menyebutkan bahawa Dewan Keadilan dan Undang hanya mempunyai kuasa untuk menasihatkan pihak-pihak terlibat, tetapi tidak berkuasa untuk menghakimkan.